

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 9 JUN 2014 [ISNIN]

SOALAN :

YB DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil agar pendapatan isi rumah di Negeri Sabah setaraf dengan pendapatan di Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan kasar bulanan purata isi rumah di Sabah meningkat daripada RM767 pada tahun 1979 kepada RM4,013 pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 5.1 peratus setahun manakala pendapatan kasar bulanan purata isi rumah di Semenanjung meningkat daripada RM693 kepada RM5,164 iaitu sebanyak 6.3 peratus setahun.

Pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil agar pendapatan isi rumah di negeri Sabah setaraf dengan pendapatan di Semenanjung Malaysia. Di antara program yang telah dirangka dan sedang dilaksanakan termasuk:

- (a) Program pembangunan modal insan yang bertujuan untuk memperkukuhkan kapasiti dan kapabiliti masyarakat Bumiputera dan kumpulan khusus. Untuk tujuan tersebut, sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan pada tahun 2013 bagi melaksanakan program tersebut yang telah memberi faedah kepada 8,000 pelatih;
- (b) Program Penjanaaan Pendapatan yang bertujuan meningkatkan tahap pendapatan dan kualiti hidup. Antara inisiatif yang dijalankan termasuk:

- (i) menyediakan peruntukan sebanyak RM1,830.3 juta kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) untuk memacu pembangunan koridor di negeri Sabah semenjak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Hasilnya, sehingga akhir 2013, pihak SEDIA telah berjaya mendapat pelaburan domestik dan asing sebanyak RM25.7 bilion dan mewujudkan sebanyak 23,311 peluang pekerjaan untuk dipenuhi oleh rakyat negeri Sabah terutamanya;

- (ii) melaksanakan Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi Kumpulan Isirumah Berpendapatan Rendah (LIH) dengan peruntukan sebanyak RM259.9 juta bagi negeri Sabah. Program ini bertujuan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapat peluang perniagaan dan pekerjaan melalui pelbagai bantuan yang disediakan. Bagi tahun 2014, sebanyak RM75 juta telah disediakan bagi program 1Azam di Sabah yang akan memberi manfaat kepada 7,500 peserta baru di Sabah;

- (iii) meningkatkan akses usahawan kepada kemudahan pembiayaan melalui institusi-institusi kewangan. Dalam konteks ini:
 - (a) Sehingga Februari 2014, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah menyediakan pembiayaan sebanyak RM1.2 billion (jumlah kumulatif sejak tahun 1997) kepada 62,756 peserta di Sabah di bawah Program Sahabat;

- (b) Sehingga April 2014, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) pula telah menyediakan pembiayaan berjumlah RM3,080.6 juta kepada kepada 287,309 orang usahawan; dan
- (c) Sehingga April 2014, Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pula telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM1,933.9 juta kepada lebih 7,500 peserta di bawah Skim Keusahawanan PUNB.

Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif tambahan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi golongan Bumiputera minoriti Sabah iaitu Program Khas Golongan Minoriti Bumiputera Sabah. Program ini bertujuan untuk memberi peluang pembangunan sosioekonomi yang saksama bagi Bumiputera minoriti di Sabah. Ini memandangkan masih terdapat poket-poket kemiskinan yang tinggi dalam kalangan masyarakat minoriti Bumiputera. Peruntukan sebanyak RM119.8 juta telah disediakan bagi melaksanakan program pembangunan ekonomi, pendidikan, infrastruktur dan pembinaan Mahkamah Anak Negeri. Bagi program pembangunan *Native Customary Right Land*, sebanyak RM25.7 juta telah disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif yang diambil oleh Kerajaan telah berjaya menghasilkan corak pengagihan pendapatan yang lebih baik. Ini ditunjukkan oleh pengurangan pekali Gini daripada 0.490 pada tahun 1979 kepada 0.427 pada tahun 2012.

Sekian, terima kasih.